

Menggali Tradisi Dengan Kreatif dan Imajinatif

Oleh Umar Junus

SAYA mulai dengan suatu cerita konkrit yang saya cipta sendiri – jangan kaget dengan kontradiksi dalam ucapan itu. Cerita itu berhubungan dengan dua orang yang “berkelahi” kerana sesuatu hal yang mungkin tidak penting.

Si Mulia dan si Johny saling mengkritik pakaian masing-masing. Si Mulia terlebih dahulu mengkritik pakaian si Johny. Dikatakannya tentang pakaian si Johny yang tidak mempunyai keperibadian. Hanya meniru pakaian orang-orang Barat yang mungkin ditontonnya dalam filem. Malahan juga dikatakan tentang bagaimana si Johny yang merupakan koboi yang kehilangan kuda.

Si Johny juga tidak kehilangan akal. Dia membalas dengan kritik yang cukup pedas. Diakuinya bahawa baju yang dipakainya adalah baju “pinjaman”. Tetapi ada bezanya dengan si Mulia. Dia hanya bangga dengan pakaian yang dipusakai dari nenek moyangnya. Tidak ada perubahan. Dan sama-sama tidak kreatif. Hanya memakai yang telah ada beberapa tahun lalu. Malah pakaiannya jadi anakronistik dengan zaman yang dihidupi. Dia adalah orang dari zaman kini, yang mengikuti perkembangan. Mulia sebaliknya. Orang yang telah ketinggalan zaman, berasal dari masa yang telah lama lampau.

Peristiwa sekitar Mulia dan Johny, serta fenomena tentang kedua mereka itu, adalah fenomena kebudayaan yang kita hidupi. Kita mungkin menjadi Mulia. Atau mungkin menjadi Johny. Bahkan mungkin persoalannya lebih kompleks. Ini akan saya lanjutkan berikut ini.

Kita mungkin menjadi Johny yang lebih terpicat dengan sesuatu

dari Barat. Kita hanya tinggal meminjam – tanpa izin yang punya dan tanpa pernah dikembalikan – dari Barat. Malah ditambah dengan suatu sikap, tidak mahu menoleh ke tradisi kerana tradisi dianggap telah ketinggalan zaman, anakronistik dengan kehidupan hari ini.

Atau kita mungkin menjadi seorang Mulia yang begitu bangga dengan tradisi. Kita mungkin akan menggunakan tradisi untuk apa sahaja. Malah sikap kebanggaan tradisi menyebabkan kita anti-Barat, antipengaruh luar. Dan saya percaya, ramai orang yang membaca tulisan ini, mahu tidak mahu mesti mengambil sikap sebagai seorang Mulia. Kita bertugas untuk menjaga kebudayaan kita dan ini biasanya diertikan menjaga “keaslian”nya, sehingga tidak dinodai oleh pengaruh luar. Kita juga mesti menjaga kelanggengan perkembangan kebudayaan kita sehingga tidak mungkin digantikan oleh sesuatu yang lain.

Kita biasa memencak-mencak dengan sikap sebagai seorang Mulia. Dan kita akan memberikan berbagai cacian kepada seorang Johny, dengan mencacinya dengan “pinjaman”. Melagak dengan barang orang yang dipinjam, tanpa izin yang punya dan tidak pernah dikembalikan. Tetapi kita lupa akan hakikat diri kita. Kita pada hakikatnya juga hidup dalam dunia pinjaman. Apa-apa yang kita pakai sebenarnya hanyalah pinjaman dari nenek moyang kita yang kita beri jolokan yang lebih manis, suatu warisan. Biasanya kita sangat bangga dengannya dan melupakan adanya suatu fenomena lain.

Si Rancak adalah seorang yang tidak bekerja. Meskipun dia tidak sampai kepada profesion seorang peminta-minta, namun dia sudah

mendekati hakikat itu. Dan dia akan sangat marah apabila ada orang yang menghina, atau memandang hina kepadanya. Dan keluarlah segala kebanggaannya dengan rentetan ucapan berikut ini.

Saya jangan dihina-hina. Saya berasal dari keturunan yang sangat penting dan kaya serta masyhur. Nenek saya sangat kaya, sehingga setengah dari kota Jakarta adalah kepunyaannya. Begitu juga dengan nenek moyang saya yang lain. Ada yang sudah punya kapal terbang peribadi sebelum perang dunia.

Begitulah, dia mulai dengan serentetan kebanggaan. Tetapi kerana dasarnya masih dapat berfikir, dia tidak dapat menjawab apa-apa apabila orang bertanya tentang apa yang dapat dibanggakan mengenai dirinya sendiri. Apa usahanya yang dapat diujarkan bersama dengan usaha nenek moyangnya dahulu. Pada hakikatnya, dirinya kini tidak lain dari seorang kere. Dia mungkin telah menghabiskan harta yang pernah diwariskan neneknya. Dan pasti moyangnya tidak akan bangga mempunyai cucu sebagai seorang si Rancak.

Begitulah, kita tidak mungkin hanya membanggakan akan kebudayaan yang kita waris dari nenek moyang kita. Kalau kita hanya membanggakan sahaja, dan menggunakannya “seasli” mungkin, maka ini menunjukkan ketumpuhan daya kreatif kita. Bukan tidak mungkin nenek moyang kita akan mengutuk kita sebagai cucu yang tidak berguna. Mereka mungkin akan malu mempunyai cucu sebagai kita yang telah berhenti dari menghasilkan sesuatu secara kreatif, yang dengan sendirinya menunjukkan kematian. Kerana kematian kreatif kita, maka kita hanya dapat membangga warisan yang telah lama dijalani masa, sehingga bukan tidak mungkin ia menjadi sesuatu yang anakronistik. Candi yang kita banggakan adalah sesuatu yang anakronistik, kecuali untuk menunjukkan ketandusan daya kreatif kita.

Jadi, kita sebenarnya dikehendaki menciptakan sesuatu dengan menggunakan seluruh kemampuan kreatif dan imajinas kita. Namun begitu, ini sekaligus menimbulkan persoalan pula. Ini akan bertentangan dengan kelestarian kebudayaan tradisional kita yang mesti kita jaga.

Dalam kegairahan kita untuk menjaga kelestarian kebudayaan warisan kita, kita biasanya sampai kepada suatu pemikiran yang sebenarnya antiperkembangan dan perubahan. Kita lupa bahawa apa yang kita warisi adalah sesuatu yang terbentuk dari zaman dan akan mengalami perubahan sesuai dengan perubahan zaman. Kalau saya perhatikan baju warisan yang dipakai oleh lelaki Minang, maka saya sangsiakan sendiri keminangannya. Bahagian-bahagiannya dapat didasarkan kepada budaya lain. Ada semacam jas, dan ini mahu tidak mahu berhubungan dengan peradaban Barat. Hakikat ini menunjukkan cirinya yang "dimakan zaman", hal yang ingin kita tentukan.

Warisan kita tidak mungkin terlepas dari perkembangan dan perubahan zaman. Dan kalau kita tidak hati-hati, ia mungkin akan ditinggalkan zaman. Ia akan hilang begitu sahaja dari peredaran. Syukur kalau ada peninggalan fizik yang konkrit, candi. Tetapi ia tidak lebih dari suatu fosil yang melalui interpretasi kita, kita dapat membayangkan kehidupan masa lampau. Bukan tidak mungkin, melalui imaginasi kita, dengan penggunaan kemampuan kreatif kita secara maksimum, kita dapat "menghidupkan" kembali masa yang telah hilang itu dalam bentuk visual dan cerita. Dengan cara begini, suatu batu di pantai Padang tidak pernah kehilangan maknanya, kerana melalui-nya dapat kita bayangkan kehidupan Malin Kundang, seorang anak yang tidak menyedari bahawa dirinya sendiri juga telah berubah. Kerana dia menolak kedua perubahan ini, atau tidak menyedari adanya perubahan, maka ia berubah menjadi fosil dalam bentuk batu. Ia menjadi hidup melalui ceritanya. Tanpa cerita ia tidak lain batu yang mati semati-matinya, meskipun kita bermati-matian mengatakannya tidak mati.

Dengan peninggalan candi kita melihat adanya kelestarian fizik dari suatu warisan budaya kita. Tetapi ini tidak didukung oleh kelestarian dari warisan yang tidak fizik kerana telah terjadi perubahan agama. Agama yang mendukung candi itu telah digantikan oleh agama lain, sehingga kehadiran candi itu anakronistik dengan agama yang meng-

gantikannya, meskipun kita dapat bertoleransi dengannya.

Kita tidak dapat berkata yang sama tentang sesuatu yang tidak fizik. Ia mungkin akan hilang begitu sahaja dari peredaran tanpa ada jejak konkrit yang dapat dikesan. Tetapi kalau kita pandai, dengan menggunakan daya kreatif dan imaginatif kita dengan sebaik mungkin, kita mungkin dapat "menghidupkan"-nya. Kita mungkin kehilangan kesan fiziknya, tetapi dapat mempertahankan kehadiran hakikatnya yang mengatur seluruh mekanisme kebudayaan kita.

Hal ini hanya mungkin berhasil dilakukan apabila ada tiga hal. Pertama, kesedaran kita tentang kebudayaan yang mesti mengalami perubahan. Kedua, cara penerusan tradisi itu hanya dilakukan secara kreatif dan imaginatif. Dan ketiga, kesanggupan pengembangan sesuatu yang belum lagi berkembang, sesuatu yang merupakan dasar bagi unsur budaya yang ingin dipertahankan itu.

Hal pertama tidak perlu diterangkan lagi. Pendek kata, kita telah bersedia untuk perubahan kebudayaan yang dikuasai oleh mekanisme yang menguasai geraknya. Hanya dengan cara ini kita mungkin menerima unsur kedua, kerana unsur kedua akan membawa perubahan kepada kebudayaan itu sendiri. Tetapi perubahan itu berlaku dengan penggunaan sepenuhnya daya kreatif dan imaginatif yang kita punyai, sehingga kita mengambil peranan penting dalam perubahannya, dan tidak hanya merupakan pewaris yang pasif dari tradisi budaya kita. Kita adalah pewaris yang aktif yang dengan sedar merubahnya sehingga ia tidak akan anakronistik dengan kehidupan hari ini. Malahan ia adalah hasil dari kehidupan hari ini, tetapi tetap dapat menjaga hubungan dengan warisan yang kita terima dari nenek moyang kita. Tetapi untuk memungkinkan hal ini diperlukan unsur ketiga. Kita hanya mungkin mengembangkan sesuatu dari sesuatu yang belum lagi berbentuk tetap, atau pada waktu ia belum lagi berkembang. Hal ini akan saya terangkan lebih lanjut.

Pepatah kita mengatakan 'membentuk sesuatu mesti dari rebung kerana betung tidak mungkin dibentuk lagi'. Kita mesti menggunakan prinsip yang sama dengan pe-

patah ini. Kita tidak mungkin membentuk sesuatu dari sesuatu yang telah berkembang mengambil bentuk tertentu yang definitif. Kita tidak mungkin mengembangkan sesuatu dari puisi tembang Jawa yang telah mengambil bentuk yang definitif dengan *guru lagu* dan *guru wilangannya*. Telah ada sistematis tertentu tentang *dandanggula*, *sinom*, *pucung* dan sebagainya. Malah telah ada untuk keperluan apa suatu bentuk tertentu digunakan. Untuk suasana percintaan digunakan bentuk puisi tembang tertentu. Kalau mahu dikembangkan juga sesuatu darinya, maka yang akan ada ialah penciptaan sesuatu yang lain sama sekali.

Tetapi tidak demikian halnya dengan pantun, yang bersamaan dengan *parikan* pada kesusasteraan Jawa, yang merupakan bahagian dari sastra rakyat. Meskipun ada "bentuk"-nya, tetapi bentuk itu tidak definitif. Dengan begitu, ia mungkin sahaja dikembangkan. Ia dapat dikembangkan menjadi syair. Atau ia dikembangkan sesuai dengan perlakuan yang dilakukan oleh penulis-penulis dalam tahun 20-an. Dan sampai kini masih dapat kita kesan penciptaan puisi dengan prinsip pantun, tanpa ia mengambil bentuk pantun. Dengan begitu, pantun terus hidup. Tidak demikian halnya dengan soneta yang dikatakan digunakan kerana adanya persamaannya dengan pantun. Ia telah mati kerana ia mulai mengambil bentuk yang definitif.

Dengan alasan yang sama dapat difahami mengapa mantera dapat digunakan untuk kepentingan puisi moden. Mantera dapat dikatakan suatu bentuk puisi tanpa bentuk. Tidak ada bentuk yang definitif tentang mantera, meskipun orang dengan cepat dapat mengenal suatu bentuk puisi sebagai suatu mantera. Yang ada pada mantera hanyalah hakikat-hakikat yang dasar, dan ini memberikan kebebasan kepada seorang penyair untuk mengolahnya lebih lanjut dengan menggunakan daya kreatif dan imaginatif yang ada dalam dirinya. Dalam pengembangan ini, mungkin sahaja ia akan kehilangan ciri fizikal mantera, sehingga kita tidak lagi cepat mengenalnya sebagai mantera. Tetapi dengan penggunaan daya kreatif dan imaginatif kita, kita kembali akan mengenal ciri man-

tera yang ada dalam dirinya.

Begitulah, sesuatu yang dapat dikembangkan adalah sesuatu yang "sederhana", belum lagi berkembang, dan dengan mengembangkan hakikat, *essence*, yang ada dalam dirinya, dan bukan mengembangkan unsur bentuknya. Barangkali hal ini mungkin dapat saya ilustrasikan tentang bagaimana kita dapat mengembangkan sesuatu dari hakikat yang ada pada randai untuk kepentingan teater/drama yang kita beri atribut moden. Untuk kepentingan ini akan saya berikan unsur-unsur yang dapat saya lihat sebagai hakikat pada randai dan teater.

Randai

- i) suatu drama naratif.
- ii) dipertunjukkan pada sebarang "pentas" dengan pelaku yang hanya bergerak dalam pentas, dan tidak mungkin keluar pentas.
- iii) sebenarnya ia tidak ada pelaku, yang ada hanya pencerita. Namun begitu, mungkin sahaja ada seseorang yang memainkan peranan seorang tokoh. Tetapi sehabis "memainkan" peranan itu, ia kembali menjadi seorang pemain randai.
- iv) randai pada dasarnya adalah suatu pertunjukan drama dengan menggunakan lagu tertentu dan gerak tertentu yang berhubungan dengan tari, lebih tepat dengan pencak silat.
- v) pemain randai bergerak dan membentuk lingkaran, dengan arah jarum jam lebih utama, sedangkan arah sebaliknya bertugas untuk jadi variasi.

Teater

- i) suatu drama yang dramatis, ertinya suatu peranan dilakonkan oleh seorang pemain tertentu, sehingga kehadirannya di pentas ditentukan sepenuhnya oleh peranan yang dilakonkannya itu.
- ii) drama dipertunjukkan pada suatu pentas tertentu, dengan pelaku keluar masuk pentas sesuai dengan peranan yang dilakonkannya.
- iii) ada pelaku tertentu, sehingga

bila ia mati, sesuai dengan peranannya, ia mesti "keluar" pentas.

- iv) teater pada dasarnya pertunjukan drama yang terutama menggunakan unsur dialog/konversasi, dengan gerak yang disesuaikan dengan peranan yang ditentukan oleh skrip.
- v) tidak ada gerak tertentu, sehingga pada dasarnya boleh bergerak ke mana saja.

Persoalan kita kini ialah bagaimana menggunakan randai untuk kepentingan drama/teater, sehingga randai yang tradisional itu dapat dibawa ke dunia moden.

Kita mula dengan hakikat randai yang naratif. Ini mahu tidak mahu dapat membawa kita drama epik yang kini dianggap sebagai bentuk drama moden yang diasosiasikan dengan Bertolt Brecht. Dengan begitu, randai sudah menyediakan wadah untuk perkembangan drama moden, tanpa kita perlu "belajar sangat banyak" dari Brecht, yang sebenarnya juga bertolak dari drama Timur, seandainya pertentangan timur dan barat masih dapat kita gunakan.

Dengan pentas yang tidak berubah, tanpa ada pelaku yang keluar masuk pentas, maka ini juga dapat kita manfaatkan bagi perkembangan drama. Di samping kita punya kesatuan pentas yang tidak ada pada drama (Barat) yang tradisional, kita juga dapat mengeksploit kesatuan pentas ini. Sutradara dapat kita masukkan ke dalam pentas dan mungkin bertindak sebagai jenang, dalang dan sebagainya. Ia akan memberikan perintah langsung dalam pentas itu. Misalnya ada peserta yang sesudah memainkan suatu peranan – peranan itu mati – tetapi ia tetap mati, maka dalang dapat memerintahkannya untuk kembali mengambil peranan dalam pertunjukan selanjutnya. Mungkin sahaja akan dikatakan hal-hal sebagai berikut:

Kamu mesti hidup lagi dan mesti ambil bahagian dalam pertunjukan selanjutnya. Ini bukan pertunjukan drama di mana orang mati selamanya.

Ucapan ini pasti akan memberikan beberapa kesan yang tidak terduga. Ia mungkin menimbulkan

alienation effect, sehingga penonton bertanya apakah ia berhadapan dengan drama atau kehidupan nyata. Atau mungkin ada berbagai kemungkinan kesan lainnya yang akan terlampaui luas kalau dibicarakan di sini.

Begitulah, berbagai kemungkinan pertunjukan drama dapat dikembangkan dari unsur kedua dan ketiga randai yang dinyatakan di atas. Hal yang sama juga dapat dilakukan terhadap unsur keempat dan kelima.

Kita boleh mengatur gerak dalam drama kita. Kalau dalam randai ada gerak-gerak tertentu, maka dalam pertunjukan drama kita adakan juga gerak tertentu. Misalnya setiap "pelaku" akan punya gerak tertentu. Dan ini pasti akan memberikan kesan tertentu kepada penonton. Dan ini juga akan menolong penyampaian makna drama itu.

Randai pada dasarnya menggunakan denah lingkaran dengan gerak yang selalu membentuk lingkaran. Drama pada dasarnya ialah suatu segi empat tanpa ada gerak tertentu. "Penggabungan" antara drama dan randai akan mungkin menghasilkan denah dan gerak tertentu, iaitu:

- i) penggunaan denah drama, iaitu denah empat segi.
- ii) pemasukan berbagai gerak. Mungkin dimasukkan gerak randai, dengan pelaku yang bergerak menurut lingkaran, arah jarum jam dan lawan jarum jam. Atau mungkin diperkenalkan gerak lain yang berhubungan dengan mata angin. Dan gerak yang diberikan kepada seseorang boleh menentukan peranannya. Atau setiap orang dapat melakukan gerak tertentu, dan setiap gerak tertentu berhubungan dengan suatu dunia tertentu dengan ciri-cirinya sendiri.

Dengan begitu, dengan "menggabungkan" gerak drama moden dan gerak randai yang tradisional, kita akan dapat melihat berbagai kemungkinan yang selama ini mungkin tidak kita sedari. Dan ini hanya dapat dilakukan dengan penggalian tradisi secara kreatif dan imaginatif. Ini akan menyebabkan budaya tradisi kita punya hak hidup dalam dunia kini. Ia tidak lagi bersifat anakronistik yang disebabkan

oleh nostalgia kita dan ketakutan kita akan kehilangan kebudayaan tradisi kita. Kita tidak dapat menerima kebudayaan yang telah berubah sehingga kita terpaksa menolak kebudayaan yang pada hakikatnya akan selalu berubah.

Begitulah, dengan keterangan tadi, penggalan kembali tradisi tidak berarti sesuatu yang anakronistik. Tentu sahaja ini mesti dipenuhi oleh syarat-syarat tertentu, iaitu mesti ada penggalan yang kreatif dan imaginatif. Dengan begitu, tidak mesti ada kontradiksi antara moden dan tradisi. Ini mungkin akan lebih jelas pada pembicaraan berikut ini.

Dalam perkembangan teori kini, ada tiga teori yang memegang peranan penting. Ia bermula dengan strukturalisme untuk kemudian berkembang kepada dekonstruksionisme dan semiotik. Dan saya dengan mudah dapat memahami hakikat ketiga teori itu kerana kebiasaan yang ada dalam budaya Minangkabau sangat memudahkan saya untuk memahaminya.

Dalam masyarakat Minangkabau, persoalan hubungan memegang peranan yang sangat penting. Setiap kelakuan kita ditentukan oleh hubungan kita dengan orang-orang tertentu. Dan kerana pentingnya hubungan ini, maka bila kita bertemu seseorang kita selalu berusaha untuk mencari hubungan

kita dengannya. Dan dalam strukturalisme, persoalan hubungan adalah hal yang hakiki. Malahan persoalan hubungan yang menghubungkan strukturalisme biasa dengan strukturalisme genetik, padahal ada dua perbezaan utama antara keduanya. Dengan dasar hubungan yang saya punyai, saya dapat mengembangkan konsep hubungan itu, hingga melampaui batas-batas yang pernah dikemukakan sebelumnya.

Dalam masyarakat Minangkabau, konsep 'alam takambang jadi guru' telah dilembagakan sebagai mekanisme budaya Minang – pada budaya lain ia tidak dilembagakan meskipun mungkin menggunakan konsep yang sama. Ini memudahkan saya untuk menerima semiotik, yang mempelajari tanda. Makna dari suatu tanda diberikan oleh budayanya sendiri, alamnya sendiri, dan bukan sesuatu yang diberikan oleh dunia luar. Dengan mengetahui sistem "alam" dan budaya (dalam alam takambang jadi guru) kita akan dapat memberikan makna tentang sesuatu yang berupa tanda.

Dalam kebiasaan orang Minangkabau, permainan kata memegang peranan penting. Ia suka sekali mempermainkan suatu kata, sehingga erti suatu kata lari dari apa yang ingin dinyatakan pengucapnya. Atau lari dari apa yang biasa dapat difahamkan orang. Seandainya

ada 'bulek kato dek sapakek', maka ini mungkin punya makna yang berbeza dari yang biasa mungkin difahami orang. Kita biasanya mungkin akan mengatakan 'pentingnya kesepakatan' yang meniadakan kepelbagaian pendapat. Tetapi ia mungkin juga diertikan sebagai kehadiran kepelbagaian pendapat yang diakui hak hidupnya. Hanya untuk suatu kepentingan tertentu ia akan menyatu kepada suatu fikiran tertentu. Hakikat interpretasi seperti ini adalah hakikat yang juga ada pada dekonstruksionisme, yang selalu menyadarkan akan adanya berbagai kemungkinan makna, dan tidak ada apa yang disebut sebagai menosemi. Semuanya adalah polisemi, malah mungkin sesuatu yang ambiguous, sehingga beberapa makna yang berbeza tidak mungkin dipisahkan.

Dengan keterangan di atas, terlihat bagaimana kebiasaan yang ada dalam masyarakat Minangkabau memudahkan saya memahami fenomena yang ada dalam teori moden. Dengan begitu, unsur budaya Minangkabau tidak sesuatu yang bertentangan dengan dunia moden, namun memang mungkin kita lupakan kalau kita lupa melihat budaya kita dengan cara yang kreatif dan imaginatif. Dan inilah inti pembicaraan pendek saya kali ini. Dengan begini, saya tutup obrolan saya. ■

